



## IKLAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT

Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan urusan kenaikan pangkat bagi jawatan seperti berikut:

### 1. MAKLUMAT JAWATAN

- |    |                           |  |
|----|---------------------------|--|
| a) | Jawatan                   | : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N2  |
| b) | Klasifikasi               | : Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan  |
| c) | Kumpulan Perkhidmatan     | : Kumpulan Pelaksana   |
| d) | Jadual Gaji               | : Gred N2<br>Minimum : RM2,220.00<br>Maksimum : RM5,770.00<br>Kenaikan Gaji Tahunan : RM115.00 |
| e) | Syarat-syarat permohonan: |  |

**Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1** adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N2** yang kosong setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Telah **disahkan** dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai wajaran tahap prestasi tahunan yang baik bagi tiga (3) tahun terkini (**2022, 2023 dan 2024**) seperti yang ditetapkan;
- iii. Diperakuan oleh **Ketua Jabatan**;
- iv. **Bebas** daripada hukuman **tatatertib** dan **tindakan mahkamah**;
- v. Telah mengisyitiharkan harta dalam tempoh **lima (5) tahun** terakhir;
- vi. **Lulus tapisan keutuhan** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- vii. Bebas daripada disenaraikan sebagai **Peminjam Pendidikan Tegar** (**Peminjam Pendidikan Tegar** ialah peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dan juga yang mempunyai tunggakan) dari institusi pinjaman pendidikan.
- viii. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **lapan (8) tahun** di skim perkhidmatan **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1** (tidak termasuk kelulusan cuti tanpa gaji) dari tarikh iklan dikeluarkan; dan
- ix. **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N2 Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama (TBK1)** adalah dipelawa dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat mengisi kekosongan jawatan.

### 2. CARA MEMOHON

Semua permohonan hendaklah dikemukakan secara atas talian (*online*) dan boleh diakses menggunakan url : <https://eskp.melaka.gov.my>

### 3. TARikh TUTUP

Tarikh tutup permohonan sistem pada **10 Februari 2025 (Isnin) jam 5.30 petang**.

### 4. CATATAN AM

Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK**

- i) Permohonan tidak dibuat secara "online"; dan
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang ditetapkan di dalam iklan.

#### Nota Penting:

- i) Sila simpan dengan cermat dan teliti ID dan kata laluan yang telah dipilih oleh pemohon semasa pendaftaran untuk digunakan log masuk ke sistem pada masa akan datang. Kegagalan berbuat demikian akan menyulitkan pemohon untuk log masuk semula ke dalam sistem;
- ii) Pemohon-pemohon diingatkan agar sentiasa menyemak status permohonan masing-masing di dalam sistem untuk mengetahui panggilan dan keputusan temuduga;
- iii) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga; dan
- iv) Pemohon yang mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan akan disenaraihitamkan dan boleh diambil tindakan di bawah peraturan-peraturan yang berkuatkuasa.